

20 APR 1998

Kontraktor

KONTRAKTOR MELAYU SAMBUT BAIK KENYATAAN PM

PULAU PINANG, 20 April (Bernama) -- Persatuan Kontraktor Melayu Pulau Pinang (PKMPP) hari ini menyambut baik kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta anak-anak syarikat kerajaan negeri memastikan saingan mereka dalam melaksanakan projek pembangunan tidak menjejaskan syarikat swasta lain terutamanya milik bumiputera.

Yang Dipertuanya Ibrahim Ismail berkata, kenyataan itu dapat melegakan kontraktor bumiputera untuk memperolehi tawaran kerja oleh kerajaan negeri dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang.

Sebelum ini kebanyakan syarikat milik agensi kerajaan sering memonopolikan pakej sesebuah projek yang dimajukan oleh agensi kerajaan sendiri, katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, kaedah tawaran kerja secara langsung kepada anak syarikat kerajaan sebenarnya tidak menepati hasrat kerajaan untuk membantu syarikat bumiputera dalam memperolehi tawaran kerja oleh kerajaan.

Terdapat beberapa projek pembangunan di negeri ini yang dimajukan oleh agensi tidak langsung melibatkan kontraktor bumiputera tempatan dan ia menyebabkan syarikat bumiputera tercicir dalam melaksanakan projek yang dapat memberi pengalaman baru kepada mereka, katanya.

Ibrahim berkata, anak-anak syarikat milik kerajaan negeri sepatutnya memberi peluang kepada syarikat bumiputera menyertai projek pembangunan agar kedua-dua syarikat berkenaan dapat menimba pengalaman disamping memperolehi keuntungan bersama.

Pada perkembangan lain, persatuan juga meminta agar harga borang tender untuk kelas F yang bernilai RM50 dikaji semula kerana ia membebankan para kontraktor kecil.

Harga itu adalah mahal bagi sesebuah syarikat kecil kerana mereka akan kehilangan wang itu jika gagal memperolehi tawaran kerja berkenaan, tambah beliau.

-- BERNAMA

AA WAT